



St Leonard's College
An education for life.

Program Pemerolehan Bahasa dan Libat Sama Budaya (PLACE)

Program Pemerolehan Bahasa dan Libat Sama Budaya (Program for Language Acquisition and Cultural Engagement - PLACE) menyokong pelajar berlatar belakang bukan Bahasa Inggeris, dalam peralihan ke kelas aliran utama St Leonard's College dan kehidupan di Australia.

Induksi pelajar

Proses induksi pelajar antarabangsa bermula setelah menerima Surat Tawaran. Hubungan pelajar dengan tenaga pengajar dan pastoral akan diwujudkan demi peralihan yang lancar ke dalam kehidupan Kolej serta menyesuaikan diri dengan cara hidup dan pengajian di Australia.

Kelas Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Tambahan (EAL) serta sokongan pembelajaran berterusan

EAL disediakan mengikut program PLACE dalam jadual waktu Kolej yang tetap. Semasa program mereka, pelajar antarabangsa dibantu memilih mata pelajaran. Mereka juga menghadiri perhimpunan sekolah, menjadi ahli Kumpulan Mentor, dan menyertai program kokurikulum Kolej yang beraneka. Pelajar antarabangsa juga tetap mendapat sokongan guru-guru sehingga lulus, dan setelah itu secara automatik menjadi Old Collegian – program alumni Kolej.

Dalam proses permohonan, pelajar diwajibkan mengambil [ujian AEAS](#). Ujian ini menentukan sama ada pelajar wajib mengambil Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Tambahan, dan kemahiran makro yang manakah akan diberi tumpuan, iaitu membaca, menulis, mendengar, bertutur dan kosa kata.

Program Mentor

Setiap pelajar menyertai kumpulan mentor, iaitu kumpulan pelajar yang selalu bertemu dengan guru pastoral (mentor) mereka. Mentor memberi perhatian kepada setiap pelajar mengikut minat, kemampuan, dan potensi pertumbuhan peribadinya. Mentor bekerja rapat dengan para pelajar setiap hari demi membina pertalian kakitangan-pelajar-ibu bapa yang menjadi penentu bagi pelajar mencapai potensi sebagai murid yang berdaya tahan dan warga masyarakat yang bertanggungjawab.

Kolej sangat bertekad untuk mencipta persekitaran yang sesuai bagi menemui 'perwatakan intelektual' setiap pelajar. Kami sedar betapa serius tanggungjawab kami untuk memantau sejauh mana pelajar kami berjaya tumbuh sebagai pemikir dan penuntut, hasil daripada kehadiran mereka di Kolej. St Leonard's College berada di barisan hadapan dari segi penyelidikan dan kaedah pendidikan terbaru bagi membina daya pemikiran yang efektif.



St Leonard's College
An education for life.

Program Pemerolehan Bahasa dan Libat Sama Budaya (PLACE)

Tempat tinggal

St Leonard's College bertanggungjawab atas kesejahteraan dan tempat tinggal semua pelajar yang bersekolah di sini dengan visa pelajar. Kolej mewajibkan semua pelajar antarabangsa tinggal bersama keluarga atau dengan saudara-mara rapat yang umurnya melebihi 25 tahun dan diluluskan oleh Jabatan Dalam Negeri dalam proses kelulusan visa pelajar.

Jawatankuasa Pelajar Antarabangsa

Jawatankuasa ini khas ditubuhkan untuk membantu pelajar baharu dari luar negara menyemai rasa bertempat di sini. Jawatankuasa Pelajar Antarabangsa menyokong pelajar antarabangsa dalam usaha membina persekitaran yang inklusif budaya dan mesra, dengan memupuk jalinan hubungan antara pelajar yang beraneka latar belakang budaya, agar mereka bangga berkongsi warisan budaya masing-masing.

Pelajar antarabangsa yang terdaftar di Kolej tidak perlu membayar yuran tambahan untuk PLACE.

Untuk penerangan lanjut, lihat risalah kami [Yuran dan Bayaran Pelajar Antarabangsa](#).

Sokongan untuk Ibu Bapa dan Waris

Kelab Perbualan Bahasa Inggeris

Kelab Perbualan Bahasa Inggeris mengadakan perjumpaan berselang minggu sepanjang semester. Ibu bapa dan ahli keluarga pelajar semasa dipersilakan ikut serta. Melalui sesi ini, ibu bapa dapat berlatih kemahiran bahasa Inggeris yang perlu untuk kehidupan di Australia dan pergaulan dengan ibu bapa lain.

Kami galakkan ibu bapa supaya berlatih perbualan bahasa Inggeris sambil memperkenalkan pelbagai unsur masyarakat, budaya, dan adat resam Australia dalam lingkungan yang interaktif dan menyokong. Topik-topik termasuk kata sapaan, perbualan bahasa Inggeris, membeli belah, kesihatan, membuat janji temu, mengisi borang, pengangkutan, makanan, menulis e-mel, dan topik-topik lain yang relevan.

Kumpulan Sahabat Antarabangsa

Kumpulan Sahabat Antarabangsa menyokong ibu bapa yang berpindah dari luar negara atau negeri lain, serta warga Australia yang kembali ke tanah air setelah lama di luar negara.

Halaman Facebook peribadi telah dibuat untuk menghubungkan semua keluarga, dan banyak kegiatan sosial dirancang sepanjang tahun.